


1 - 15 NOVEMBER, 2022

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# CEMERLANG SUKAN KOMANWEL

## program peringkat akar umbi semai bakat baru

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**




**BARISAN atlet yang menyumbang pingat pada Sukan Komanwel di Birmingham menerima cek replika daripada Ketua Menteri pada majlis penyerahan SKIMAS di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Lima atlet kelahiran Pulau Pinang yang menyumbang pingat dalam temasya Sukan Komanwel Ke-22 di Birmingham, United Kingdom baru-baru ini menerima Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) bernilai RM23,500.

Mereka ialah Chan Peng Soon, Cheah Yee See dan Goh Jin Wei yang memenangi pingat emas dalam acara Badminton Berpasukan Campuran dan layak menerima insentif khas masing-masing berjumlah RM4,500.

Dua lagi atlet ialah Azlina Arshad yang memenangi pingat perak dalam acara Trio Boling Padang (RM4,000) serta pemenang pingat gangsa bagi acara Judo Kategori 73 kilogram Lelaki, Amir Daniel Abdul Majeed (RM6,000).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemberian insentif khas itu adalah untuk meraikan pencapaian cemerlang para atlet negeri Pulau Pinang dalam arena sukan pada peringkat antarabangsa.

"Kita turut berbangga dengan pencapaian atlet judo iaitu Saudara Amir Daniel Abdul Majeed yang mencatatkan sejarah baru apabila muncul sebagai atlet pertama negara memenangi pingat bagi acara berkaitan di temasya Sukan Komanwel.

"Umumnya, pencapaian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa inisiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program sukan pada peringkat akar umbi telah berjaya menyemai bakat-bakat baru untuk negeri Pulau Pinang.

"Ini termasuk program Sukan Untuk Semua dan skim-skim galakan akademik menerusi *'Penang Athlete Career & Education'* (PACE) serta *'Penang Junior Coaches'*," katanya pada sidang media sempena majlis penyerahan SKIMAS kepada atlet-atlet berkaitan di sini 22 Ogos lalu.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua; Presiden Persatuan Badminton Pulau Pinang, Datuk Kah Kau Kiak serta wakil-wakil persatuan sukan terlibat.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata, selain mengasah bakat-bakat baru, Kerajaan Negeri juga melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memartabatkan bidang sukan di negeri ini.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Laksana pelbagai inisiatif martabat bidang sukan

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.6 juta pada tahun ini untuk kerja-kerja pembinaan baru serta menaik taraf dan membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negeri.

"Antaranya adalah lima gelanggang sepak takraw, laluan joging (2), gelanggang futsal (2), gelanggang bola keranjang (1), gelanggang bola tampar (1), padang awam (2) dan sebuah gelanggang sepak raga tuju.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM8.8 juta bagi membina Nibong Tebal Arena yang dijangka siap pada suku pertama tahun 2023 selain Stadium Mini Bola Sepak Permatang Rawa yang telah siap dibina dengan kos RM3.5 juta," ulasnya lanjut.

Terdahulu, kontinjen negara berjaya membawa pulang tujuh pingat emas, pingat perak (8) dan pingat gangsa (8) pada temasya Sukan Komanwel yang berlangsung pada 28 Julai hingga 8 Ogos lalu.

Daripada jumlah itu, atlet Pulau Pinang berjaya menyumbang keseluruhan sebanyak lima pingat iaitu emas (3), perak (1) dan gangsa (1).

Sementara itu, pemenang tunggal pingat bagi sukan judo, **AMIR DANIEL**, 18, ketika ditemui berkata bahawa beliau tidak menyangka penyertaan pertama dalam sukan berprestij itu terus menghadirkan pingat gangsa untuk negara.

"Saya mula bergiat dalam sukan judo semasa berumur lima tahun lagi tetapi ini kali pertama saya menyertai Sukan Komanwel kerana pada kejohanan sebelumnya sukan judo tidak dipertandingkan.

"Kemenangan ini akan menjadi pembakar semangat saya untuk melakukan yang terbaik dalam pertandingan yang akan saya sertai pada masa akan datang," katanya yang kini sedang menyambung pelajaran di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dekat Kepala Batas.

Walau bagaimanapun menurut Amir Daniel, rutin latihannya kini sedikit terganggu ekoran jarak kampus ke pusat latihan yang agak jauh.

"Ini kerana saya terpaksa berulang-alik dari kampus dekat Kepala Batas ke Pusat Latihan Judo dekat Batu Uban dan gimnasium Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

"Syukurlah saya mempunyai seorang jurulatih yang sangat mengambil berat… beliau yang mengambil serta menghantar saya setiap hari untuk jalani latihan," katanya yang turut mengambil bahagian dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 di Kuala Lumpur.

Selepas menamatkan saingan di SUKMA Kuala Lumpur, Amir Daniel berangkat ke Chiang Rai, Thailand pada 22 September 2022 bagi menyertai satu lagi kejohanan terbuka di negara jiran tersebut.

Dalam pada itu, jurulatih judo negeri, **MD. NASHRIQ MD. NASIR**, 37, berkata beliau sanggup menempuh perjalanan sejauh kira-kira 140 kilometer




**(Dari kiri) CHEAH Yee See, Goh Jin Wei, Chan Peng Soon, Amir Daniel Abdul Majeed dan Azlina Arshad.**

(km) dengan menunggang motosikal untuk menjemput dan menghantar Amir Daniel menjalani latihan.

Md. Nashriq memberitahu bahawa rutin tersebut dilakukan hampir setiap hari sejak Amir Daniel melanjutkan pengajian dalam jurusan Sains Hayat di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang sejak Ogos lalu memandangkan semua sesi latihan diadakan di bahagian pulau.

"Saya mula melatih Amir Daniel sejak dia berumur lima tahun dan sebenarnya bukan kali pertama saya melakukan perkara sebegini untuk kemudahan atlet tapi ini melibatkan jarak paling jauh.

"Dalam hal ini, kami perlu merancang program latihan dengan sebaik-baiknya selain memberi sepenuh komitmen supaya dia berada pada tahap terbaik," katanya.

Md. Nashriq yang tinggal di Teluk Air Tawar berkata bahawa Amir Daniel harus menjalani latihan kecergasan di gimnasium MSNPP tiga kali seminggu yang mengambil masa dua hingga tiga jam bagi setiap sesi.

Tambahnya, atlet negara itu turut perlu mengikuti program latihan di pusat judo pada setiap hari Isnin hingga Sabtu.



**MD. Nashriq Md. Nasir (kiri) dan Amir Daniel Abdul Majeed.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Projek pengukuhan bekalan elektrik bantu rancak pembangunan negeri

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SEBERANG JAYA** – Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Melalui Sambungtara Talian Atas yang dibangunkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dapat membantu merancakkan lagi pembangunan negeri ini secara menyeluruh.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek tersebut penting untuk menjamin kestabilan bekalan elektrik di Pulau Pinang pada masa depan memandangkan ketiga-tiga talian penghantaran bekalan sedia ada sudah berusia antara 20 hingga 30 tahun.

"Talian penghantaran atas ini mempunyai kapasiti tenaga elektrik jauh lebih tinggi iaitu sehingga 2,000 megawatt (MW) berbanding kapasiti dengan kaedah kabel bawah jambatan dan kabel dasar laut yang sedia ada.

"Saya difahamkan bahawa lebih 2,000MW adalah kapasiti tenaga yang diperlukan bagi sesebuah negeri maju seperti Pulau Pinang sekiranya (negeri ini) mahu membangun dengan kadar lebih pesat berbanding prestasi ketika ini.

"Sebab itulah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat bersetuju dan memberikan sokongan penuh bagi menjayakan projek ini yang dilihat mampu memberi jaminan bekalan elektrik di seluruh negeri khususnya di bahagian pulau.

"Kita boleh merancang dengan teliti dan menyusun strategi untuk projek-projek gergasi, namun ia tidak boleh dicapai tanpa bekalan tenaga yang mencukupi dan stabil," katanya semasa melancarkan projek berkenaan dekat sini 15 September lalu.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan dif jemputan meneliti replika projek berkaitan bersempena Majlis Pelancaran Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik Melalui Sambungtara Talian Atas di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan; Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Indera Ir. Baharin Din; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Baderul Amin Abdul Hamid serta wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan.

Kon Yeow berkata, projek berimpak tinggi yang menelan kos lebih RM500 juta itu akan terletak selari dengan Jambatan Pulau Pinang dan bakal menjadi satu lagi mercu tanda ikonik untuk negeri ini.

"Sebuah talian atas penghantaran *monopole* dengan rekaan unik sepanjang 8.5 kilometer (km) akan dibina dari Pencawang Masuk Utama (PMU) dan Stesen Janakuasa (SJ) Perai ke PMU The Light di bahagian pulau.

"Projek seumpama ini adalah yang kedua dilaksanakan di negara ini selepas negeri Melaka," ulasnya lanjut.

Kon Yeow dalam pada itu turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan inisiatif TNB memodenkan Grid Nasional menjadi grid pintar yang stabil serta berdaya harap dalam memenuhi keperluan peralihan tenaga negara.

"Pelan Peralihan Tenaga Negara akan bertanggungjawab membawa pertumbuhan perniagaan yang positif dengan peralihan besar kepada Tenaga Boleh Baharu (RE) dan teknologi hijau.

"Ini tentunya memenuhi komitmen terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang menjadi tuntutan global masa kini.

"Suka saya nyatakan bahawa inisiatif ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang giat melestari dan memanfaatkan perkembangan teknologi terkini ke arah mewujudkan persekitaran bersih, hijau dan sihat," jelasnya.

Sementara itu, Takiyuddin menyatakan bahawa projek yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024 itu akan memastikan penduduk dan pelabur di Pulau Pinang terus menerima bekalan elektrik yang stabil berikutan peningkatan permintaan sejajar pemulihan ekonomi pasca pandemik.

"Pengekalan kestabilan ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang termasuk perindustrian, pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan.

"Malah, talian penghantaran ini sendiri bakal menjadi daya tarikan pelancong dengan enam daripada 31 menara mempunyai reka bentuk ikonik berbentuk buah pinang," katanya.

## Perpustakaan digital pertama bakal dibangunkan di SPT

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**BERAPIT** – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk menubuhkan perpustakaan digital pertama di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Perpustakaan digital yang bakal dikenali sebagai Perpustakaan Digital Bukit Mertajam itu akan ditempatkan di bangunan tiga tingkat milik Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam.

Difahamkan, kerja-kerja pengubahsuaian tersebut akan bermula tahun depan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa perpustakaan digital yang terbaharu itu pastinya bakal memberi manfaat kepada rakyat negeri ini khususnya penduduk di sekitar Bukit Mertajam.

"Perpustakaan digital yang bakal dibina ini akan menyediakan platform yang boleh diakses oleh komuniti untuk mendapatkan maklumat, meningkatkan kreativiti, pengetahuan dan teknologi serta ruang untuk berinteraksi.

"Malah, projek ini juga merupakan contoh terbaik dalam aspek penglibatan masyarakat oleh Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam yang memulakan penubuhan perpustakaan digital ini atas inisiatif mereka sendiri.

"Pihak persatuan telah menyatakan hasrat mereka kepada Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan CMI bagi menubuhkan perpustakaan digital pertama di Bukit Mertajam untuk manfaat penduduk sekitar.

"Ini merupakan satu contoh kerjasama yang padu antara Kerajaan Negeri dan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya pada majlis menandatangani MoU di bangunan Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin dekat Jalan Sri Bukit di sini pada 18 September lalu.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri memperuntukkan geran khas sebanyak RM300,000 kepada persatuan berkaitan bagi membantu mereka menubuhkan perpustakaan digital tersebut.

Beliau menyatakan bahawa pembinaan perpustakaan digital baharu tersebut menjadi perpustakaan digital keenam yang dibangunkan di negeri ini.

"Kami berharap ia akan terus melaksanakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempromosi dan membangunkan pengajaran serta pembelajaran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik) bagi meletakkan Pulau Pinang sebagai salah sebuah pusat kecemerlangan terkemuka dalam bidang ini.

"Selepas majlis menandatangani MoU ini, Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin mempunyai banyak tugas yang perlu diselesaikan, justeru saya ingin menyeru kepada semua penduduk Bukit Mertajam untuk memberikan sokongan penuh termasuk bantuan kewangan agar usaha ini dapat direalisasikan.

"Sama seperti perpustakaan digital sedia ada, kemudahan ini akan digunakan sepenuhnya oleh pelajar, kumpulan profesional serta masyarakat di SPT sekali gus dapat memacu ekosistem dan komuniti yang pintar serta maju dari segi teknologi," ujarnya.

Pada sesi menandatangani MoU itu, CMI diwakili oleh Timbalan Pengurus Besarnya, S. Bharathi manakala Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam diwakili oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan Digital Bukit Mertajam, Datuk Ng Wah Sim.

Dalam pada itu, Bharathi memberitahu bahawa MoU yang ditandatangani adalah berdasarkan persefahaman dan konsensus bersama antara CMI dan Persatuan Bekas Murid-Murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam bagi menubuhkan, mengatur dan mengurus Perpustakaan Digital Bukit Mertajam.

"Melalui perjanjian ini, CMI akan menyediakan bantuan teknikal dan sokongan termasuk hak cipta, lesen, geran, akses, yuran kesetiaan pada perisian, e-buku, pangkalan data serta e-kad yang dipasang di perpustakaan digital ini," ujarnya.

# Jelajah Ketua Menteri ❤PENANG dekati denyut nadi rakyat



**KETUA Menteri sambil diiringi Joseph Ng Soon Siang (dua dari kanan) merasmikan loceng kecemasan yang disumbangkan khas demi keselamatan penduduk di Jalan Zoo.**



**MENGUNJUNGI pembuat replika feri di Jalan Zoo.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**AIR ITAM -** Dengan tema ❤PENANG, rombongan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow turut menjelajah ke Kampung Masjid Al-Qadree dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam, Jalan Zoo Satu di sini pada 8 September 2022.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Penghulu Kawasan Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib turut sertai jerayawara tersebut.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyaksikan Soon Siang menyampaikan sumbangan dua unit alat pemadam api, loceng kecemasan (2) dan kelengkapan kerusi meja untuk kegunaan dewan serbaguna di sini kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Masjid Jalan Zoo Air Itam, Mahazir Daroh dan Zainudin Mat (Pengerusi Kariah Masjid Al-Qadree Jalan Zoo Air Itam).

Kon Yeow dalam kenyataan bertulis kepada Buletin Mutiara antara lain memberitahu bahawa pihaknya berharap program Jelajah ❤PENANG akan memberi peluang kepada Kerajaan Negeri hari ini untuk mendekati denyut nadi rakyat kebanyakan di Pulau Pinang.

"Penyampaian unit alat pemadam api dan loceng kecemasan yang akan dipasang di rumah Ketua Kampung dan di gelanggang sepak takraw… (akan menjadi) langkah pencegahan awal yang mungkin boleh membantu serta melindungi para penduduk di sini.

"Diharapkan pemasangan alatan keselamatan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya, sekali gus membantu para penduduk setempat untuk lebih peka terutama ketika berlakunya kecemasan," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap mantan Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, jerayawara Kon Yeow serta rombongannya turut meluangkan masa menyempurnakan acara perasmian papan tanda ❤PENANG di Bulatan Bukit Bendera di sini.

## TPM80PP, laksana kerja naik taraf demi selesa rakyat

**PAYA TERUBONG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap penduduk Desa Baiduri Blok 1A dan 1B dapat bersabar dengan kerja-kerja pengecatan yang sedang berjalan demi manfaat serta keselesaan masa depan.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Kerja-kerja Mengecat Semula Blok 1A dan 1B Desa Baiduri Paya Terubong di sini 8 September lalu.

"Melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) yang sudah lama dilancarkan oleh Kerajaan Negeri, kerja-kerja naik taraf seperti ini turut melibatkan peruntukan penduduk itu sendiri.

"Dengan sumbangan Kerajaan Negeri dan wakil rakyat, maka kita boleh hidup lebih selesa dengan kemudahan-kemudahan yang dinaik taraf.

"Jadi saya harap penduduk-penduduk akan menjaga sebaik mungkin kemudahan-kemudahan yang ada kerana ia adalah milik semua," ujarnya yang dalam Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Bukit Gelugor di sini.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong; mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Dalam destinasi terakhir Jelajah ❤ PENANG berkaitan, rombongan Kon Yeow turut berkunjung ke Jalan Tingkat Paya Terubong 2 bagi merasmikan Pusat (Kontena) Aktiviti MPKK@Foodbank.

Melalui sumbangan Soon Hin dan Ramkarpal, dana RM40,000 digunakan bagi menaik taraf kemudahan tersebut yang beroperasi setiap Isnin jam 7:30 malam hingga 9:30 malam.



**KEADAAN rumah pangsa Desa Baiduri yang sedang dicat semula demi keselesaan penduduk.**

Kesempatan sama, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut mengedar bahan mentah dan makanan Foodbank kepada penduduk setempat.

# Kompleks sukan *Queens Waterfront* asah bakat muda, jangka siap 2026

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & KUMPULAN IDEAL PROPERTY BERHAD**




**ILUSTRASI grafik pintu masuk kompleks sukan *Queens Waterfront*.**

**BAYAN LEPAS -** Projek pembangunan kompleks sukan *Queens Waterfront* di atas tapak berkeluasan 9.94 ekar berdekatan gedung membeli-belah *Queensbay Mall* dijangka siap menjelang suku kedua tahun 2026.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir menyempurnakan majlis pecah tanah projek berkaitan berkata bahawa projek pembangunan berkaitan dijangka memainkan peranan penting dalam mengukuhkan lagi pembangunan sukan di negeri ini.

"Aktiviti sukan yang menjadi wadah penyatuan universal kini mempunyai peranan yang lebih signifikan dalam pembangunan sosial dan ekonomi Pulau Pinang.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sukan bukan lagi melibatkan amalan gaya hidup sihat dan kesihatan semata-mata tetapi juga mampu menyumbang pendapatan kepada negara.

"Oleh yang demikian, pembangunan infrastruktur sukan seperti *'The Queens Waterfront Sport Complex'* adalah amat penting dan menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bergerak ke hadapan bagi memenuhi permintaan pembangunan ini.

"(Dan) apabila siap kelak, kompleks sukan ini akan menawarkan pelbagai manfaat kepada masyarakat setempat dan bakal merangsang pertumbuhan sosioekonomi negeri," ujarnya pada majlis berkaitan di sini 18 September lalu.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Ideal Property Berhad, Datuk Goh Teng Whoo.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memaklumkan bahawa secara relatifnya, kompleks sukan tersebut akan menjadi lokasi ideal untuk mengasah bakat anak muda tempatan dalam bidang sukan.

"Mereka (anak muda) boleh digilap menjadi atlet pada masa depan dan mewakili Pulau Pinang dalam acara sukan pada peringkat nasional mahupun antarabangsa.

"Selain itu, infrastruktur sukan bertaraf dunia ini sedia menganjurkan acara sukan yang pastinya akan merangsang industri pelancongan negeri," jelasnya.

Selepas siap kelak, Kon Yeow memberitahu bahawa kompleks sukan tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan kebenaran merancang yang diberikan beberapa tahun dahulu.

"Walaupun kos yang dijangkakan untuk menyiapkan projek ini belum dimuktamadkan lagi, difahamkan semua fasiliti di sini akan dibuka kepada umum, dan sama ada caj dikenakan atau tidak, akan dimaklumkan pada peringkat pembangunan seterusnya," ulasnya lanjut.

Kompleks Sukan Queens Waterfront berkaitan bakal mempunyai padang terbuka; gelanggang bola tampar pantai; arena sukan satu tingkat yang merangkumi gelanggang bola keranjang; gelanggang karate; wushu dan judo; pusat akuatik mengikut piawaian FINA (iaitu organisasi induk renang dunia, *Federation Internationale De Natation*) bersaiz Olimpik; kolam selam dan bangunan parkir tiga tingkat.

Difahamkan, ia merupakan salah satu daripada empat fasa pembangunan di atas tanah pegangan bebas seluas 36.53 ekar (14.7 hektar) yang mana pemaju dilantik adalah Ideal Gim Venture Sdn. Bhd. (Ideal GV).

Tiga fasa lain adalah *Queens Residence* iaitu kediaman bertemakan resort yang siap dibina, pembangunan kawasan komersial atau *waterfront alfresco* dikenali sebagai *Marina Bay* dan pembangunan sekolah antarabangsa.

## Tebatan banjir Changkat Minden siap

**BATU UBAN -** Penduduk Changkat Minden Jalan 6 dan 7 kini boleh menarik nafas lega apabila kerja-kerja naik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut telah siap dilaksanakan.

Projek membabitkan kos RM500,000 tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan, penduduk di kawasan tersebut sebenarnya sudah sekian lama menderita akibat banjir kilat.

"Sebelum ini, sudah banyak kali saya membawa isu naik taraf saliran ini dan akhirnya ia berjaya disiapkan.

"Antara skop kerja terlibat adalah pelebaran longkang daripada 1.2meter (m) kepada 1.5m dan memperbaiki pagar di sepanjang saliran ini.



**KECERIAAN para pelajar tadika ketika menyambut kedatangan Ketua Menteri sempena Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Bukit Gelugor baru-baru ini.**

"Untuk Jalan 3, projek tebatan banjir masih berjalan dan difahamkan sudah 80 peratus siap dengan anggaran kos sebanyak RM800,000," ujarnya bersempena Siri Jelajah ❤PENANG Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ke Parlimen Bukit Gelugor di sini 8 September lalu.

Kon Yeow dalam pada itu menyifatkan Kumaresan sebagai seorang pemimpin yang mendengar keluhan rakyat.

"Ini bukanlah projek tebatan banjir pertama di kawasan Changkat Minden, justeru saya berharap projek ini mampu memberi satu impak positif kepada penduduk sekitar terutamanya dalam mengurangkan risiko banjir kilat yang dihadapi sekian lama," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.



**A. Kumaresan (tiga dari kanan) bersama-sama Ketua Menteri dan wakil-wakil berkaitan mengadakan lawatan khas bagi meninjau sistem perparitan yang telah dinaik taraf dekat Changkat Minden di sini baru-baru ini.**



**ANTARA sayuran yang ditanam menggunakan kaedah akuaponik yang terdapat di Kebun Komuniti MPKK Island Park.**



**ANUAR Harun.**

# Resipi turun-temurun 'MEE REBUS

**PENDUDUK** di sekitar Seberang Perai, terutamanya yang tinggal di kawasan Permatang Pauh mungkin ramai mengenali atau pernah mendengar tentang 'Mee Rebus Pak Yob'.

Namun, mungkin hanya segelintir sahaja yang mengetahui cerita di sebalik kejayaan perniagaan 'Mee Rebus Pak Yob' kekal hingga lebih 40 tahun, dan kini diwarisi oleh anak lelakinya, **ANUAR HARUN**, 45.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan menemu bual pemiliknya dan merasai sendiri keenakan mi rebus yang agak popular tersebut.

Menurut Anuar, resipi rahsia turun-temurun yang dihasilkan oleh keluarganya sejak perniagaan itu dimulakan lebih 40 tahun lalu menjadikan rasa mi rebus Pak Yob kekal sehingga ke hari ini.

"Ramai pelanggan yang mengunjungi kedai kami sejak arwah ayah masih ada lagi memberitahu bahawa rasa mi rebus yang dihidangkan tidak berubah walaupun sudah mencecah 40 tahun.

"Rasa yang sama ini mungkin disebabkan kami masih menggunakan resipi rahsia ciptaan keluarga sejak turun-temurun selain memastikan bahan-bahan yang digunakan adalah segar dan bersih.

"Disebabkan itu jugalah ramai pelanggan sama ada penduduk tempatan atau dari luar kawasan akan datang kembali untuk merasai mi rebus kami selepas mereka mencuba untuk kali pertama," katanya yang merupakan bapa kepada seorang cahaya mata sambil tersenyum mesra.

Anuar berkata, apabila ayahnya meninggal dunia, beliau yang merupakan anak tunggal dalam keluarga bertanggungjawab menyambung legasi perniagaan 'Mee Rebus Pak Yob'.

"Saya mula berjinak-jinak dalam perniagaan mi rebus sejak tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kira-kira 27 tahun lalu dan pada ketika itu saya hanya membantu ayah saya.

"Namun, selepas ayah saya meninggal dunia, saya telah mengambil alih perniagaan ini sepenuhnya sambil dibantu oleh ibu saudara saya yang lebih dikenali sebagai 'Kak Kiah' sehinggakan ada pelanggan yang turut kenal perniagaan kami dengan nama 'Mee Rebus Kak Kiah'.

"Tidak kisahlah nama apa sekalipun tetapi yang lebih penting adalah kami bersama-sama berusaha menjaga kualiti masakan mi rebus terutamanya dari segi rasa untuk memastikan para pelanggan setia datang ke kedai kami.

"(Dan) kebanyakan pelanggan yang datang sebenarnya adalah pelanggan tetap sejak dari masa arwah ayah meniaga lagi," ujarnya.

Tambah Anuar, setiap hari beliau menggunakan sebanyak 10 kilogram (kg) mi bagi memenuhi permintaan pelanggan yang tidak pernah putus.

"Kedai kami beroperasi setiap hari dari jam 6 pagi hingga 5 petang dan kebiasaannya pelanggan lebih ramai pada hujung minggu.

"Ramai juga pelanggan luar yang datang terutamanya dalam kalangan pendaki bukit... selepas selesai mendaki kebanyakan mereka akan datang ke sini untuk menikmati mi rebus," katanya yang turut aktif dalam aktiviti mendaki bukit di sekitar Pulau Pinang.

Ditanya mengenai keadaan perniagaannya semasa pandemik, Anuar menyatakan bahawa operasi 'Mee Rebus Pak Yob' berjalan seperti biasa tetapi pendapatan sedikit berkurang memandangkan pelanggan adalah dari kawasan setempat sahaja.

"Semasa pandemik, hasil jualan agak merosot kerana kami hanya jual untuk bungkus sahaja.

"Makanan yang dipesan akan dihantar sendiri oleh saya kerana kami tidak menggunakan sebarang perkhidmatan penghantaran secara dalam talian seperti '*FoodPanda*', '*GrabFood*', '*LalaMove*' dan sebagainya," ulasnya sambil menambah bahawa beliau kini sedang mempertimbangkan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut bagi tujuan meningkatkan hasil jualan.

Mengulas lanjut, Anuar menyatakan bahawa selain pelanggan biasa, premis miliknya turut dikunjungi oleh tokoh-tokoh politik dan wakil rakyat dengan yang terbaru adalah kunjungan daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow

"Dulu, semasa Datuk Seri Wan Azizah menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh, beliau selalu juga datang makan mi rebus di sini dan sekarang anaknya pula YB Nurul Izzah kerap mengunjungi kedai kami.

"Selain itu, ada juga beberapa tokoh-tokoh politik lain yang datang merasai mi rebus di kedai kami dan paling mengujakan adalah apabila Ketua Menteri sendiri yang berkunjung baru-baru ini.

"Sebenarnya, semasa beliau datang itulah kali pertama saya berpeluang berjumpa dengan Ketua Menteri secara bersemuka... sebelum ini pernah dengar namanya sahaja," katanya menutup bicara.

## Nasi Ayam Mamallah makin popular

Pada kesempatan sama, pasukan Buletin Mutiara turut meluangkan masa berkunjung ke premis perniagaan Nasi Ayam Mamallah yang turut mendapat perhatian Ketua Menteri semasa Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Permatang Pauh pada Julai lalu.

Pemiliknya, **FAZILAH ABBAS**, 53, ketika ditemui berkata bahawa perniagaan Nasi Ayam Mamallah dimulakan sejak tujuh tahun lalu selepas beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

"Sebelum ini, saya bekerja ambil upah sebagai tukang masak tetapi saya mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan sendiri memandangkan saya mempunyai kemahiran memasak.



**FAZILAH Abbas.**

"Saya bermula dengan menjual kuih secara kecilan-kecil sahaja yang mana kuih yang saya hasilkan dijual di premis-premis perniagaan makanan di sekitar kawasan ini.

"Lebih setahun kemudian, timbul idea untuk saya menjual nasi ayam memandangkan produk ini masih kurang dijual di sini dan alhamdulillah... ada rakan yang baik hati menawarkan saya untuk menyewa premis perniagaan miliknya.

"Bermula dari situlah, saya menjalankan perniagaan nasi ayam secara lebih serius sehingga hari ini," katanya memulakan bicara.

Fazilah berkata, beliau mempelajari cara memasak nasi ayam sewaktu bekerja mengambil upah memasak di sebuah kedai menjual nasi ayam dan mula menghasilkan resipi sendiri untuk menambahkan lagi keenakan nasi ayam yang dijual.



**MELAYANI para pelanggan yang bertandang.**

# rahsia PAK YOB'



**NASI** Ayam Mamallah.





**SEBAHAGIAN** hidangan istimewa 'Mee Rebus Pak Yob'.

"Kebanyakan pelanggan saya terdiri daripada penjawat awam yang bekerja di sekitar kawasan ini... sebab itulah kalau dapat lihat pelanggan lebih ramai sewaktu rehat.

"Selain datang sendiri ke kedai, ada juga pelanggan yang memesan secara bungkus terutamanya untuk program-program seminar serta mesyuarat.

"Setakat ini, permintaan terhadap nasi ayam semakin bertambah di samping beberapa menu lain seperti masakan panas dan bihun sup," ujarnya.

Mengulas lanjut, Fazilah menyatakan bahawa lokasi kedainya yang terletak di tepi jalan utama di Mengkuang Semarak, Kubang Semang menjadi antara faktor perniagaannya terus berkembang maju.

"Ruang parkir di hadapan kedai ini yang luas dan selesa dilihat telah memudahkan orang ramai berhenti untuk menikmati juadah di sini," ujarnya lanjut.

Tambah beliau, sebanyak 60 hingga 70 hidangan nasi ayam mampu dijual setiap hari sejak perniagaannya mula dibuka pada jam 11 pagi hingga 7 malam.

"Permintaan nasi ayam biasanya lebih banyak pada waktu pagi sampai ke tengah hari manakala pada waktu petang, saya lebih fokuskan kepada masakan panas.

"Alhamdulillah.. setakat ini permintaan pelanggan untuk nasi ayam dan menu-menu lain sentiasa ada setiap hari," jelasnya.

Turut berkongsi rasa teruja dengan kedatangan Ketua Menteri ke kedainya baru-baru ini, Fazilah juga menyatakan bahawa kunjungan itu sangat bermakna kepada beliau.

"Sebelum ini saya tidak pernah berpeluang bersemuka dengan Ketua Menteri.. dan apabila beliau datang ke sini baru-baru ini saya memang rasa gembira.

"Malah, Ketua Menteri turut menyampaikan plak sebagai tanda beliau pernah hadir ke kedai ini dan ia sesuatu yang sangat mengujakan," katanya sambil tersenyum mesra.




**KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT** Luas Tanah: ±20' x 65' Harga: RM575,000-RM826,000



**RUMAH TERAS 1 TINGKAT - JENIS A**
Luas Tanah: ±20' x 65'
Harga: RM250,000



**RUMAH TERAS 1 TINGKAT - JENIS B**
Luas Tanah: ±20' x 77'
Harga: RM405,000-RM567,000



**RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT**
Luas Tanah: ±40' x 95'
Harga: RM546,000-RM550,000

TAMAN Ara Jaya

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

**HAK MILIK KEKAL**
*TASEK GELUGOR*

Taman Ara Jaya menyediakan rumah teres, rumah berkembar dan rumah banglo yang direka dengan susun atur dan ruangan yang bercirikan moden dan praktikal. Semuanya dihasilkan dengan teliti untuk melengkapkan gaya hidup berbeza setiap keluarga.

Kehijauan tempat berekreasi dan zon kemudahan yang disediakan memberi galakan kepada gaya hidup yang sihat dan selesa serta kesejahteraan masyarakat.




**GDW MENGKUANG SDN. BHD. (869666-H)**
No.1, Jalan Desa Ara, Taman Desa Ara, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.

Pemaju: GDW MENGKUANG SDN. BHD. I No. Syarikat: 869666-H I No. Lesen Pemaju: 13091-7/01-2024/61 (L) I Tempoh Sah: 22/01/2022 hingga 21/01/2024 I No. Permit Iklan dan Jualan: 13091-7/01-2024/61 (P) I Tempoh Sah: 22/01/2022 hingga 21/01/2024 I Tarikh dijangka siap: Feb 2024 I Hak Milik Kekal I Pelan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai I Pajakan Tanah: Pegangan Bebas I No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-13/9 I Bilangan Unit: 300 unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A / 63 unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B / 12 unit Rumah Berkembar 1 Tingkat / 3 unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat / 1 unit Kedai 2 Tingkat / 80 unit Kedai Pejabat 2 Tingkat I HARGA: (Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A) RM250,000 / (Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B) RM405,000 (Min.) – RM567,000 (Maks.) / (Rumah Berkembar 1 Tingkat) RM546,000 (Min.) – RM550,000 (Maks.) / (Rumah Sesebuah 1 Tingkat) RM720,000 (Min.) – RM940,000 (Maks.) : 5% Diskaun Bumiputera

tamanarajaya
1700 818 365

# Dahlia Pulau Pinang, penuhi pasaran tempatan

**KEWUJUDAN** kebun dahlia dan mawar merupakan antara tarikan bagi mereka yang menjalankan aktiviti pendakian di Mukim 4, Air Itam ke Balik Pulau.

Baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **SIEW CHIA EN** berkesempatan menemu bual pasangan yang mahu dikenali sebagai **CHIN** dan isterinya, **MOW YEAN HORNG** mengenai penanaman dahlia dan ros tersebut.

Menurut Chin, beliau bersama-sama isterinya sudah mengusahakan tanaman dahlia tersebut sejak 10 tahun lalu.

"Sebelum ini, kami menanam sayur-sayuran, namun penjagaan sayur bukanlah satu perkara yang mudah dan sangat bergantung kepada faktor cuaca serta ia terdedah kepada risiko serangan penyakit.

"Sebenarnya, tanaman sayuran telah diusahakan sejak zaman datuk saya lagi dan saya merupakan generasi ketiga.

"Jadi 10 tahun lepas, saya cuba mengusahakan bunga dahlia yang turut mendapat permintaan menggalakkan terutamanya untuk upacara keagamaan," ujarnya yang memiliki kebun bunga kira-kira seluas dua hektar di sini.

Difahamkan, bunga tersebut kebanyakannya digunakan dalam upacara agama seperti mandi dan membersihkan muka, serta begitu mendapat sambutan daripada penganut agama Hindu dan Buddha.

"Sambutan paling menggalakkan sudah tentunya diterima pada perayaan Hari Wesak," jelasnya.

Rutin harian Chin bersama-sama isteri dan pekerja bermula dari jam 4 pagi hingga 5 pagi untuk memetik bunga, selepas jam 6 pagi, bunga-bunga tersebut akan dihantar ke pasar dekat Air Itam sebelum diedarkan ke seluruh Pulau Pinang.



CHIN dan Mow Yean Horng.

Selepas itu, menurut beliau, mereka akan kembali ke kebun semula untuk proses menyiram, membaja, mengikat serta menstabilkan dan memeriksa tahap kesihatan pokok.

"Dalam satu hari, saya boleh memetik 3,000 hingga 4,000 kuntum bunga, bergantung sama ada bunga tersebut matang atau tidak, dan cuaca pada hari tersebut.

"Dahlia lebih subur di lereng bukit atau puncak, cuaca tidak boleh terlalu sejuk atau terlalu panas.

"Jadi, jika ditanam di tanah rata, ia menjadi agak sukar untuk mekar dengan sempurna.

"Pokok dahlia mengambil masa kira-kira 60 hingga 70 hari dari (tempoh) penanaman hingga matang, selepas itu mengambil masa kira-kira satu setengah bulan untuk dituai," ujarnya sambil menerangkan tentang warna-warna bunga dahlia.

Mengulas lanjut, Chin menjelaskan bahawa bunga-bunga tersebut mekar dalam pelbagai warna seperti kuning, ungu, biru, jingga, merah, dan putih.



PEMANDANGAN ladang bunga dahlia yang menjadi tarikan setiap yang bertandang.

"Kepelbagaian warna menjadikan bunga dahlia turut dikenali sebagai 'bunga tujuh warna'.

"Walaupun pulangan penanaman bunga dahlia berbaloi, namun pekerjaan ini adalah bersifat tradisional serta membuatkan anak-anak muda kurang berminat untuk menceburi sektor yang sama.

"Pada peringkat awal, Mukim 4 ini memang ramai dengan penduduk setempat dan keluarga yang menceburi bidang ini, tetapi zaman berubah, peluang pekerjaan semakin banyak dan lumayan di luar sana, jadi kebanyakan generasi baharu sudah berhijrah.

"Yang (masih) ada (di sini) sekarang majoritinya adalah warga emas sahaja, anak saya juga ada yang menuntut di kolej dan bersekolah menengah tingkatan lima, kalau boleh biarlah mereka pun pilih minat mereka sendiri.

"Justeru, kami pun tidak 'menurunkan ilmu' tentang penanaman bunga ini kepada mereka," ulasnya lanjut.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa selepas tempoh pandemik, ia menyaksikan cabaran baharu iaitu kenaikan kos baja, dan ini secara langsung telah menyebabkan Chin terpaksa menaikkan harga jualan bunganya.

Menutup bicara, Chin dan isterinya berharap para pendaki yang melalui kawasan tersebut agar tidak memetik atau merosakkan tanaman yang diusahakannya kerana itu adalah mata pencarian mereka sekeluarga.



KEPELBAGAIAN warna bunga dahlia yang sedia dituai.



POKOK-pokok muda yang baru ditanam.

# Sekolah Sinar Harapan jana potensi 'ANAK SYURGA'



SEKOLAH Sinar Harapan yang terletak di Permatang Rawa, daerah Seberang Perai Tengah.

**NAMA** Sekolah Sinar Harapan bukan lagi asing di negeri Pulau Pinang.

Ditubuhkan pada tahun 1986, dikatakan ia adalah sekolah pendidikan khas tertua di daerah Seberang Perai Tengah.

Tapak asal sekolah tersebut adalah di tengah-tengah pekan lama Bukit Mertajam, kini operasinya berpindah ke Permatang Rawa, terus gagah menjana potensi anak-anak istimewa atau 'anak syurga'.

Baru-baru ini, dalam Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Permatang Pauh, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut meluangkan masa melawat sekolah tersebut.

Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti turut sertai jerayawara tersebut.

Dalam majlis itu, Kon Yeow mengumumkan pemberian RM50,000 untuk tujuan membaik pulih dan menyelenggara kemudahan pam hidro terapi yang diperlukan oleh kanak-kanak istimewa di sini.

Malah, beliau turut menyeru semua pihak untuk membantu Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Seberang Perai Tengah dari sudut sumbangan dana bagi memastikan operasi sekolah pendidikan khas bukan kerajaan tersebut dapat terus beroperasi dengan kelengkapan sewajarnya.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **DARWINA MOHD. DAUD** (jurugambar) berpeluang menemuramah Pengetua Sekolah Sinar Harapan, **SUBIRIN ABU BAKAR**.

"Dikenali sebagai Sekolah Sinar Harapan kerana di sini lebih ke arah pendidikan para pelajar dan ia berbeza dengan pusat asuhan atau pusat jagaan.

"(Sekolah Sinar Harapan) ini bukan sekadar mengasuh atau menjaga 'anak-anak syurga', malah kami juga memberikan pendidikan serta latihan peningkatan kendiri kepada para pelajar di sekolah ini," jelasnya.

Dalam bual bicara hampir 30 minit di sini, Subirin turut memberitahu bahawa para pelajar di Sekolah Sinar Harapan adalah dalam lingkungan umur empat hingga 18 tahun.

"Pelajar di sini juga sama seperti usia pelajar di sekolah biasa, yang mana mereka berusia empat tahun hingga tujuh tahun akan masuk ke tadika (sementara), yang berusia (lapan tahun) hingga 18 tahun masuk ke kelas harian dengan silibus adalah sama seperti silibus pendidikan khas di sekolah-sekolah pendidikan khas.

"Kini, di Sekolah Sinar Harapan ada 42 pelajar terdiri daripada pelbagai kategori sindrom, antaranya sindrom Down, autisme, *cerebral palsy* dan lain-lain jenis spastik di bawah kategori kecacatan akal," ujarnya sambil memberitahu bahawa para pelajar di sini sangat tertib dan begitu menghormati sekalian guru-guru mereka.


**SUBIRIN Abu Bakar.**

Tambah beliau, di Sekolah Sinar Harapan juga terdapat pelatih berusia 18 tahun dan ke atas, yang mana bekas-bekas pelajar istimewa di sini ada diserapkan ke bengkel-bengkel kemahiran.

"Setakat hari ini, di Sekolah Sinar Harapan ada bengkel canting batik serta bengkel buat kek dan roti.

"Kami melihat potensi para pelajar sehingga berusia 18 tahun, kalau mereka boleh menerima arahan dengan baik dan boleh melakukan tugas-tugas dalam kemampuan mereka, lazimnya mereka akan diserapkan ke dalam salah satu bengkel ini selepas berusia 18 tahun.

"Jadi, sebelum berusia 18 tahun, mereka berpeluang menjalani pelbagai proses terapi antaranya terapi cara kerja *(occupational therapy)*, *sensory therapy* dan terapi hidro.

"Cuma, terapi percakapan sahaja kita tidak ada, kalau nak mengambil tenaga pengajar terlatih dari luar mungkin memerlukan kos yang lebih tinggi.

"Menerusi terapi-terapi ini, potensi para pelajar kita akan dijana ke arah peningkatan kendiri di samping meningkatkan kemahiran motor halus dan motor kasar mereka.

"Apabila mereka boleh menerima arahan dan sebagainya, barulah mereka akan diserapkan dalam bengkel batik atau bengkel buat kek serta roti di Sekolah Sinar Harapan ini juga," ulasnya lanjut.

*(Sambungan di muka 15).*






SEBAHAGIAN produk-produk yang dihasilkan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
